



**NOTIS MAKLUMAN KEPADA SEMUA PELAJAR  
FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA (FPBU)  
BAGI KEMASUKAN KE KAMPUS PADA SEMESTER 1, 2021/ 2022**

1. Merujuk kepada kenyataan YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi bertarikh 14 September 2021 berkenaan Kemasukan Pelajar Ke Kampus Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Bagi Sesi Akademik 2021/2022, yang menyatakan proses kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus adalah secara berperingkat bermula pada 15 Oktober 2021 dan **Notis Kemasukan Pelajar Ke Kampus Secara Berperingkat Bagi Semester 1, 2021/ 2022, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertarikh 15 September 2021** adalah berkaitan.
2. Dimaklumkan, aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pada Semester 1, Sesi Akademik 2021/2022, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dibuat secara **dalam talian (*online*) sepenuhnya**.
3. Walaubagaimanapun, kemasukan pelajar sama ada pelajar baharu atau pelajar sedia secara fizikal ke dalam kampus dibenarkan kepada para pelajar yang telah mendapat dos vaksin lengkap dan melepasi tempoh keberkesanan selepas divaksin.
4. Pelajar yang telah mendapat dos vaksin lengkap dan berhasrat untuk tinggal di dalam Kolej Kediaman USIM, boleh memohon melalui Portal iStudent USIM mengikut tatacara permohonan sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Kemasukan Pelajar Ke Kampus Secara Berperingkat Bagi Semester 1, 2021/ 2022, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertarikh 15 September 2021 (disertakan bersama Notis ini).

5. Pihak Universiti amnya dan FPBU khususnya amat mengambil berat terhadap keselamatan dan kesihatan para pelajar dan mendoakan para pelajar selamat dari jangkitan COVID-19 serta dapat meneruskan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan sempurna dalam persekitaran yang kondusif dan selamat.

**TERIMA KASIH**

**“BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA”**

**“LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA”**

**PROF. MADYA DR. ZAINUR RIJAL ABD RAZAK**

**DEKAN**

**FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA**

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

16 SEPTEMBER 2021/ 9 SAFAR 1443